

Videofloroskopi (VFS)

TEMUJANJI ANDA

Nama :
Pesakit

Tarikh :
Temujanji

Masa :
Temujanji

Lokasi : **Diagnostic Imaging, Main Building,
Temujanji Zone G, Level 2, G02-13**

Sila daftar terlebih dahulu di Visitor Management Centre (bersebelahan pusat makanan) di Main Building, Tingkat 1 bila anda sampai




APA ITU VFS?

Videofluoroscopy (VFS) merupakan sebuah pemeriksaan penelanan menggunakan kaedah X-ray dan dijalankan oleh ahli terapi pertuturan bersama dengan seorang pakar radiologi. Ia bertujuan untuk menilai proses penelanan dan memastikan yang anda boleh menelan dengan selamat.

VFS berguna untuk:

- Mengenal pasti masalah dalam struktur, pergerakan dan pemaasan penelanan
- Menentukan berapa selamatkah dan keberkesanan penelanan
- Menguji cara-cara pemberian makanan yang mungkin membantu anda untuk telan dengan



APAKAH YANG BERLAKU SEWAKTU PROSEDUR VFS DIJALANKAN?

Prosedur VFS lazimnya melibatkan:

- Pesakit duduk atau berdiri di dalam mesin X-ray
- Menguji konsistensi cecair dan tekstur makanan yang berbeza untuk menilai fungsi penelanan. Barium ditambah kepada makanan dan minuman agar ia jelas dilihat di X-ray
- Percubaan strategi penelanan dan kadar memberi makanan yang berbeza untuk melihat jika faktor-faktor ini memperbaiki kebolehan pesakit untuk menelan

Tiada persiapan khas diperlukan, dan pesakit tidak perlu berpuasa. Pemeriksaan ini selalunya mengambil masa 30 minit.

Sila bawa sama gigi palsu dan peralatan makanan atau minuman khas yang selalu digunakan pesakit. Ahli terapi pertuturan mungkin meminta makanan khas (misalnya bubur, kentang lecek) dibawa bagi penilaian VFS.

Selepas VFS dijalankan, ahli terapi pertuturan akan menjelaskan keputusan dan saranan kepada pesakit dan/atau penjaga pesakit. Hasil pemeriksaan ini juga akan disampaikan kepada doktor pesakit.

KESAN SAMPINGAN VFS YANG MUNGKIN TIMBUL

VFS merupakan prosedur yang selamat dan amat disarankan kerana manfaatnya jauh melebihi potensi risikonya. Alahan kepada barium juga amat jarang berlaku.

Ahli terapi pertuturan mengambil langkah berhati-hati dalam mengurangkan:

- Jumlah radiasi yang diterima sewaktu VFS
- Jumlah barium dan bahan lain yang mungkin termasuk ke dalam paru-paru

Barium yang digunakan dalam prosedur VFS mudah dikeluarkan daripada badan. Lanya normal bagi najis pesakit berwarna putih selepas menjalani prosedur VFS.



BERITAHU AHLI TERAPI PERTUTURAN ANDA JIKA ANDA:

- Mempunyai alahan kepada barium, sebarang makanan dan/atau minuman
- Tidak datang haid pada masa yang sepatutnya atau jika anda rasa anda mungkin hamil
- Mempunyai sebarang kecacatan anggota yang menghalang anda daripada berdiri, duduk atau memanjat naik sebuah kerusi yang tinggi



Jika anda perlu mengubah waktu temujanji VFS anda, sila hubungi kami di 6908 2222



Department of Rehabilitation — Speech Therapy Jabatan Pemulihan — Terapi Pertuturan

National University Hospital
5 Lower Kent Ridge Road, Singapore 119074
Website: www.nuh.com.sg

For appointments and general enquiries:

Tel: 6908 2222

The information provided in this publication is meant purely for educational purposes and may not be used as a substitute for medical diagnosis or treatment. You should seek the advice of your doctor or a qualified healthcare provider before starting any treatment or if you have any questions related to your health, physical fitness or medical conditions.

Information is correct at time of printing (December 2021) and subject to revision without prior notice.

Copyright 2021. National University Hospital
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without permission in writing from the National University Hospital.